

LAWATAN KERJA AKS KEJURUTERAAN DAN JURUTERA TUDM KE SYARIKAT ADVANCED AIR TRAFFIC SYSTEM (M) SDN BHD (AAT)

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/3394-lawatan-kerja-aks-kejuruteraan-dan-jurutera-tudm-ke-syarikat-advanced-air-traffic-system-m-sdn-bhd-aat

SUBANG, 26 Apr 18 – AKS Kejuruteraan, Mej Jen Dato' Ir Razali bin Abd Ghani TUDM bersama Jurutera TUDM daripada MTU, DGTA dan juga PUSPEKA telah mengadakan lawatan ke *Advanced Air Traffic Systems (M) Sdn Bhd (AAT)*.

Lawatan yang dianjurkan oleh Bahagian Kejuruteraan, Markas Tentera Udara (MTU-Kej) merupakan salah satu Petunjuk Prestasi Utama (KPI) MTU-Kej bagi tahun 2018.

Objektif utama diadakan lawatan ini adalah memahami perkhidmatan dan penyampaian syarikat AAT sebagai salah satu industri pertahanan negara disamping menilai potensi syarikat AAT di dalam usaha jalinan kerjasama dengan TUDM.

Turut juga diadakan, lawatan ke *Transfer of Technology (ToT) Lab* di *Civil Aviation Authority of Malaysia (CAAM)* Subang.

Diharap lawatan ini dapat mencapai objektif yang telah disasarkan dan seterusnya dapat memberikan manfaat kepada MTU-Kej dalam mendukung TUDM ke arah mencapai aspirasi yang telah ditetapkan.



